

**KAPS-12**

**Kod Amalan Syarat  
Kemasukan Khas - Bahasa  
Inggeris, Kesihatan**

**SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH (SPS)**

**2018**

Cetakan Pertama 2009 (KAPS 01 – KAPS 08)  
Pindaan Pertama 2012 (KAPS 09 – KAPS 14)  
Pindaan Kedua 2012 (Semakan Pertama)  
Pindaan Ketiga 2018 (KAPS 01 – KAPS 14)  
© Sekolah Pengajian Siswazah, 1992

Kod Amalan Pengajian Siswazah (KAPS 01 -14)  
Diluluskan Jawatankuasa Eksekutif Sekolah Pengajian Siswazah (4 Julai 2012)  
Diluluskan Mesyuarat JKTS Dasar dan Entiti Akademik (7 Mac 2018)  
Diluluskan SENAT UTM Bil 07/2017/2018 (21 Mac 2018)

### ***Visi UTM***

*Diiktiraf sebagai pusat kecemerlangan akademik dan teknologi bertaraf dunia.*

### ***Visi SPS***

*UTM akan menjadi sebuah universiti yang berasaskan kepada Pengajian Pasca siswazah dan sebuah pusat rujukan pendidikan siswazah*

### ***Misi UTM***

*Menjadi peneraju dalam pembangunan modal insan dan teknologi inovatif demi pengkayaan khazanah negara.*

### ***Misi SPS***

*Mewujudkan sebuah pusat pendidikan siswazah yang mempunyai ekosistem pembelajaran yang menawarkan program-program berkualiti dan memperkayakan pengalaman pelajar untuk berhadapan dengan dunia yang mencabar.*

## ISI KANDUNGAN

|                                 |   |
|---------------------------------|---|
| 1.0 PENGENALAN                  | 1 |
| 2.0 SKOP                        | 1 |
| 3.0 DEFINISI                    | 1 |
| 4.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB   | 3 |
| 5.0 PROSES DAN PELAKSANAAN      | 6 |
| 6.0 DOKUMEN LAIN YANG BERKAITAN | 9 |

## 1.0 PENGENALAN

- 1.1 Pengambilan Pelajar Pasca Siswazah merupakan proses kritikal ke arah meningkatkan enrolmen pelajar pasca siswazah. Bagi pelajar yang ingin mendaftar terdapat beberapa syarat yang perlu mereka patuhi dan diantara syarat yang penting bagi pelajar antarabangsa adalah syarat Bahasa Inggeris dan Kesihatan.
- 1.2 Tujuan dokumen ini disediakan adalah untuk menerangkan syarat-syarat yang perlu pelajar antarabangsa patuhi sebelum mereka dibenarkan mendaftar sebagai pelajar pasca siswazah.
- 1.3 Dokumen ini merangkumi penerangan tentang syarat-syarat Bahasa Inggeris dan Kesihatan secara keseluruhan dan dokumen-dokumen rujukan berkaitan seperti garis panduan dan lain-lain.

## 2.0 SKOP

- 2.1 Skop prosedur ini digunakan oleh Universiti semasa melaksanakan syarat-syarat berkenaan.

## 3.0 DEFINISI

- 3.1 TNC (A&A)  
Pensyarah UTM yang dilantik secara pentadbiran oleh Naib Canselor UTM yang menjadi ketua dan bertanggungjawab dalam setiap aktiviti
- 3.2 TNC (P&I)  
Pensyarah UTM yang dilantik secara pentadbiran oleh Naib Canselor UTM yang menjadi ketua dan bertanggungjawab dalam setiap aktiviti Canselori serta pembangunan dan inovasi.

**3.3 Dekan**

Pensyarah UTM yang dilantik secara pentadbiran oleh Naib Canselor UTM yang menjadi Ketua Jabatan dan bertanggungjawab dalam setiap aktiviti di Sekolah Pengajian Siswazah (SPS)

**3.4 Timbalan Dekan (Pembangunan Sistem & Profesional)**

Pensyarah UTM yang dilantik secara pentadbiran di SPS untuk membantu Dekan dan akan bertanggungjawab terhadap pengurusan Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi serta Bahagian Pembangunan Profesional Pelajar & Penyelia.

**3.5 Timbalan Dekan (Program Pesisir & Khas)**

Pensyarah UTM yang dilantik secara pentadbiran di SPS untuk membantu Dekan yang akan bertanggungjawab atas pengurusan program khas dan program pesisir.

**3.6 Timbalan Dekan (SPSKL)**

Pensyarah UTM yang dilantik secara pentadbiran di SPS untuk membantu Dekan yang akan bertanggungjawab melihat kepada pengurusan akademik pasca siswazah di UTMKL

**3.7 Penolong Pendaftar**

Pegawai yang bertanggungjawab mengurus pengurusan dan operasi harian SPS.

**3.8 Pembantu Tadbir**

Staf yang membantu semua pegawai Pentadbir dan Penolong Pendaftar SPS dalam kerja-kerja operasi harian.

3.9 Program Perdana

Program Pasca siswazah secara Sepenuh Masa dan Separuh Masa.

3.10 Program Luar

Dahulunya dikenali sebagai Program Pesisir. Program pengajian pasca siswazah yang ditawar secara Separuh Masa dan pengkuliahan dijalankan pada setiap hujung minggu dengan kadar yuran yang khas berbeza dengan Program Perdana.

3.11 Program Khas

Program pengajian pasca siswazah yang ditawar secara Separuh Masa untuk organisasi tertentu dan pengkuliahan dijalankan pada hujung minggu. Program Khas melibatkan Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan organisasi tersebut.

3.12 Program kerjasama:

Program kerjasama yang dijalankan di antara UTM dan sektor awam, sektor swasta dan universiti luar negara dengan tajaan agensi lain.

3.13 Bahagian Rekrutmen & Pengambilan Mahasiswa (SRAD)

Unit yang menguruskan hal ehwal pengambilan pelajar baharu.

## 4.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

### 4.1 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB BAGI PEMERIKSAAN KESIHATAN

4.1.1 SRAD (PENGAMBILAN)

Rujuk kepada kod Amalan Pengambilan.

#### 4.1.2 Pelanggan Pusat Kesihatan

Sebelum mendaftar, pelajar akan dimestikan untuk membuat pemeriksaan kesihatan dimana pelajar tempatan dibenarkan untuk membuat pemeriksaan kesihatan di klinik swasta tetapi pelajar antarabangsa hanya boleh membuat pemeriksaan kesihatan di Pusat Kesihatan UTM.

#### 4.1.3 SRAD (PENDAFTARAN)

Selepas selesai pemeriksaan kesihatan, pelajar akan dibenarkan mendaftar dimana Pusat Kesihatan akan mencetak slip keputusan dan SRAD akan menyemak sama ada pelajar ini disahkan sihat untuk mendaftar. Jika terdapat masalah kesihatan, Pusat Kesihatan akan memaklumkan kepada SRAD terlebih dahulu dan slip kesihatan akan dinyatakan pelajar mempunyai masalah kesihatan.

### 4.2 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB BAGI PENGECAULIAN BAHASA INGGERIS

#### 4.2.1 SRAD (Pengeluaran Surat Tawaran)

Rujuk kepada kod Amalan Pengambilan.

#### 4.2.2 Pelanggan Akademi Bahasa / Pusat Bahasa ELS

Syarat kelayakan Bahasa Inggeris hanya dikenakan kepada pelajar antarabangsa. Pelajar tempatan adalah dikecualikan dari syarat ini. Pada hari pendaftaran, pelajar antarabangsa akan diminta ke kaunter Akademi Bahasa untuk semakan syarat kelayakan Bahasa Inggeris. Untuk pendaftaran runcit, semakan akan dilakukan di kaunter SRAD/Akademi Bahasa.

#### 4.2.3 Pelanggan Akademi Bahasa / Pusat Bahasa ELS

Selepas selesai semakan dokumen, pelajar akan dibenarkan mendaftar dengan status-status tertentu.

##### **Status A**

Pelajar yang telah mendapat pengecualian Bahasa Inggeris dan pelajar yang telah memenuhi syarat mencapai skor IELTS Band  $\geq 6.0$ , TOEFL  $\geq 550$  dan ke atas atau TOEFL (IBT)  $\geq 79$  akan diberi status A iaitu dibenarkan mendaftar dan mengikuti kursus di Fakulti sepenuhnya. Pelajar yang memperolehi skor IELTS = 5.5,  $525 \leq$  TOEFL < 550 atau  $69 \leq$  TOEFL IBT < 79 dan memiliki sijil mengikuti Kursus Bahasa Inggeris (*Intermediate English*) selama 120 jam juga layak diberikan status A.

##### **Status A1**

Pelajar yang memperoleh skor IELTS = 5.5,  $525 \leq$  TOEFL < 550 atau  $69 \leq$  TOEFL IBT < 79 tanpa memiliki Sijil Kursus Bahasa Inggeris selama 120 jam akan diberikan status A1. Pelajar berstatus A1 perlu mengikuti program *English for Postgraduate Programme (EPG)* yang dikelolakan oleh Akademi Bahasa dan dalam masa yang sama dibenarkan mendaftar kursus di fakulti.


##### **Status D/D1**

Bagi pelajar yang tidak memenuhi syarat kelayakan Bahasa Inggeris atau memiliki skor IELTS  $\leq 5.0$ , TOEFL < 525 atau TOEFL IBT < 69 akan didaftarkan di bawah status D (Program IEP oleh Akademi Bahasa) atau D1 (*Certified Intensive English Programme* oleh Pusat Bahasa ELS). Pelajar ini akan menduduki program Bahasa Inggeris sehingga mencapai skor IELTS yang ditetapkan dalam tempoh maksimum satu (1) tahun dan tidak dibenarkan mendaftar dan mengikuti kursus di Fakulti sehingga memenuhi syarat kelayakan Bahasa Inggeris.

## 5.0 PROSES DAN PELAKSANAAN

### 5.1 PROSES DAN PELAKSANAAN- KESIHATAN

Proses pemeriksaan kesihatan adalah bermula dengan pelajar mendapat surat tawaran dan apabila pelajar ingin mendaftar mereka perlu menjalani pemeriksaan kesihatan. Bagi pelajar yang mempunyai masalah kesihatan, mereka tidak dibenarkan mendaftar dan akan diminta pulang ke negara asal mereka (pelajar antarabangsa). Rujuk kepada COPPA Area 4 Appendix 4.5 Health Requirement for International Student Registration. Syarat pemeriksaan kesihatan adalah syarat wajib Kementerian



**Carta 1 : Carta Alir Proses Asas Pemeriksaan Kesihatan dan Pendaftaran**

Pemeriksaan kesihatan wajib dibuat oleh semua pelajar. Pelajar antarabangsa perlu membuat pemeriksaan kesihatan sebelum mendaftar dan mereka hanya boleh lakukannya di Pusat Kesihatan UTM. Bagi pelajar tempatan, jika mereka tidak membuat pemeriksaan kesihatan, mereka dibenarkan mendaftar tetapi dalam masa 2 minggu selepas mendaftar mereka perlu membuat dan menghantar borang kesihatan semula kepada SRAD. Jika mereka tidak membuat demikian, pendaftaran mereka boleh ditarik balik.

## 5.1 PROSES DAN PELAKSANAAN – SYARAT BAHASA INGGERIS

Seperti yang tercatat di dalam peraturan akademik, calon pelajar luar negara perlu mempunyai kelayakan minimum bahasa Inggeris Test of English as a Foreign Language (TOEFL) skor 550 atau International English Language Test System (IELTS) band 6.0 atau Malaysian Universities English Test (MUET) band 4.0. Pengecualian boleh diberi kepada calon luar negara yang berasal dari negara yang bahasa ibundanya Bahasa Inggeris atau mempunyai kelulusan dari negara tersebut. Calon yang tidak mempunyai salah satu daripada kelayakan tersebut dikehendaki mengambil Ujian Bahasa Inggeris Universiti sebelum mendaftar program pengajian. Jika gagal, calon dikehendaki mengikuti Program Intensif bahasa Inggeris dan lulus sebelum dibenarkan meneruskan program pengajian masing-masing.

Bagi pelajar antarabangsa yang ingin memohon program TESL, syarat yang dikenai adalah kelayakan minimum untuk mereka ialah **IELTS Band  $\geq 7.0$**  atau **TOEFL  $\geq 600$**  atau skor IBT/CBT yang setara dengannya.


Pengecualian bersyarat diberikan kepada calon pelajar yang datang dari negara dan belajar di negara yang bahasa ibundanya selain dari Bahasa Inggeris tetapi fakulti ataupun universiti berkenaan menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya.

Untuk calon kategori ini, mereka diwajibkan lulus dua (2) modul Bahasa Inggeris untuk pengajian siswazah sebagai salah satu syarat untuk graduan.

Untuk mendapatkan pelepasan dari syarat pendaftaran pelajar mestilah mengemukakan surat dari universiti mereka yang menyatakan bahasa pengantar di universiti ataupun di fakulti adalah Bahasa Inggeris. Syarat pengecualian ini **tidak boleh** diguna pakai bagi pelajar yang memohon untuk program Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua.

Bagi pelajar yang memiliki Sijil Kursus Bahasa Inggeris peringkat “Advanced Level” dari UTM, UIAM, MMU atau mana-mana institusi setaraf dengannya yang diiktiraf oleh Senat UTM boleh diberikan pengecualian Bahasa Inggeris.

Maklumat lengkap syarat Bahasa Inggeris ini boleh diperolehi di <http://admission.utm.my/english-language-requirements/>



**Carta 2 : Carta Alir Proses Syarat Bahasa Inggeris**

## 6.0 DOKUMEN LAIN YANG BERKAITAN

- i. Kertas kerja Pindaan Garis Panduan Kaedah Pengendalian Pelajar Antarabangsa yang mengikuti Program Kelayakan Bahasa Inggeris (QEP) UTM Pindaan 1/ 2011
- ii. Kertas Kerja Cadangan Pindaan Pensetaraan Syarat Keperluan Bahasa Inggeris (Ielts/ Toefl) Pelajar Antarabangsa Baru 2011
- iii. Peraturan Akademik Pengajian Siswazah, SPS UTM
- iv. Garis Panduan Penilaian Syarat Kemasukan 1998 Pind. 1/2008
- v. Health Requirements For International Student Registration
- vi. Panduan permohonan online
- vii. Sampel Surat Tawaran Pelajar Antarabangsa dan Tempatan
- viii. Carta Alir Prosedur Pengurusan Pengambilan Pelajar Pasca Siswazah (Penawaran Program)
- ix. Prosedur Pengurusan Pengambilan Pelajar Pasca Siswazah (Pemprosesan Permohonan Kerja Kursus)
- x. Prosedur Pengurusan Pengambilan Pelajar Pasca Siswazah (Pemprosesan Permohonan Penyelidikan)